



MAKLUM BALAS MEDIA

Malaysia KINI : 23 Oktober 2012

24 Oktober 2012 - Laporan akhbar Malaysia Kini di atas kenyataan MP Beaufort, YB Datuk Seri Lajim Bin Haji Ukin “ Lulus Kontrak Alam Flora kerana Boss Besar” adalah dirujuk.

Kementerian ingin menegaskan bahawa projek penswastaan pengurusan sisa pepejal **telah dilaksanakan secara tender pada tahun 1994**. Sebanyak lebih daripada 50 syarikat telah dijemput untuk mengemukakan cadangan teknikal dan kewangan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut hanya **28 syarikat telah mengemukakan cadangan** masing-masing termasuk Konsortium Hicom dan tarikh tutup tender adalah pada 31 Disember 1994.

Kerajaan pada 6 September 1995 telah bersetuju supaya penswastaan pengurusan sisa pepejal seluruh negara diswastakan mengikut wilayah tertakluk kepada rundingan ke atas syarat-syarat dalam penswastaan ini dan perjanjian mengenainya ditandatangani di antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat berikut:

- a. Konsortium Hicom (sekarang dikenali - Wilayah tengah dan sebagai Alam Flora Sdn. Bhd.) timur
- b. Konsortium KKI (sekarang dikenali - Wilayah utara sebagai E-Idaman Sdn. Bhd.)
- c. Consec Gali (sekarang dikenali - Wilayah selatan sebagai SWM Environment Sdn. Bhd.)

- Ketua Pengarah EPU pada 21 Disember 1995 telah mengeluarkan surat kepada syarikat-syarikat yang terpilih memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju secara prinsip untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal kepada mereka mengikut wilayah serta memaklumkan keanggotaan dan pengagihan ekuti di kalangan konsortium.
- Pada 20 September 1996 Kerajaan telah bersetuju supaya penswastakan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara interim oleh Alam Flora di kawasan DBKL pada 1 Januari 1997.
- Kerajaan juga telah bersetuju pada 8 April 1998 supaya penswastakan interim diperluaskan ke seluruh negara oleh ketiga-tiga syarikat konsesi.
- Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-46 pada 23 April 1998, telah bersetuju dengan keputusan Kerajaan supaya Pengurusan Sisa Pepejal secara interim dilaksanakan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Setelah 15 tahun pelaksanaan secara interim diadakan, Kerajaan telah bersetuju supaya penswastakan penuh dilaksanakan. Bagi membolehkan penswastakan penuh dilaksanakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011. Serentak dengan itu penswastakan penuh di ketiga-tiga wilayah oleh ketiga-tiga syarikat konsesi bermula, di mana pihak Kerajaan, dan ketiga-tiga syarikat konsesi yang telah dipersetujui sejak tahun 1995, telah menandatangani perjanjian konsesi.
- Oleh yang sedemikian tidak timbul arahan daripada Perdana Menteri untuk meluluskan syarikat Alam Flora oleh Timbalan Menteri pada waktu itu kerana syarikat itu telah pun beroperasi selama 15 tahun sebelum beliau menjadi Timbalan Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan oleh:

Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan